

4000009000

HADIAH



ANALISIS KUANTITATIF VITAMIN C DAN
BEBERAPA MINERAL DALAM
MANGGA

TEO CHUN HOE

TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS DENGAN
KEPUJIAN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PROGRAM KIMIA INDUSTRI
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

MARCH 2006



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Mangga *Mangifera indica* L, *Mangifera laurina* Blume, *Mangifera odorata* Griffith dipilih untuk mengkaji kandungan vitamin C dan mineralnya. Vitamin C ditentukan melalui kaedah pentitratan berbalik manakala mineral seperti kalium, natrium, kalsium, magnesium dan ferum ditentukan melalui kaedah spektroskopi serapan atom (AAS). Keputusan menunjukkan bahawa *Mangifera indica* L mempunyai kandungan Vitamin C yang tertinggi iaitu sebanyak 30.9 mg per 100 g, manakala kalium, magnesium dan ferum adalah sebanyak 651.0 mg per 100 g, 16.8 mg per 100 g dan 1.5 mg per 100 g masing dalam buah segar, diikuti dengan *Mangifera laurina* Blume mempunyai kandungan mineral natrium dan kalsium yang tertinggi sebanyak 1.4 mg per 100 g buah segar dan 8.9 mg per 100 g buah segar. Secara keseluruhan *Mangifera indica* L mempunyai kandungan nutrien yang tinggi berbanding dengan spesies mangga yang dikaji.

